

22/08/1998

Terima saranan PM sebagai cabaran

Saidon Idris

SARANAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 5yang mahu melihat kontraktor Melayu tidak lagi bergantung kepada gelaran 'Bumiputera' sebagai cara untuk meraih kontrak kerajaan dan swasta pada masa depan dianggap satu cabaran kepada kontraktor Melayu meningkatkan pengetahuan dan kepakaran.

Pendapat berkenaan dikongsi bersama oleh dua persatuan utama yang mewakili usahawan melayu, iaitu Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), dan Guild of Bumiputera Contractors (GBC).

"Saya harap kontraktor Melayu menerima kenyataan Perdana Menteri itu sebagai satu cabaran," kata Naib Presiden DPMM, Datuk Raduan Md Taib.

Menurutnya, apa yang sebenarnya ingin dilihat oleh Perdana Menteri ialah supaya kontraktor Melayu mempunyai sikap sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran agar mutu kerja mereka lebih baik daripada kontraktor lain sama ada di dalam negeri atau luar negara.

"Kontraktor Melayu kini seharusnya berusaha mewujudkan suatu tanggapan yang positif iaitu apabila disebut saja kontraktor Melayu, orang akan membayangkan hasil kerja yang bermutu," tegasnya.

Namun, Raduan berkata, kenyataan Perdana Menteri itu tidak bermakna kerajaan akan menghentikan sokongannya kepada kontraktor melayu kerana ketika ini mereka masih perlu dibantu.

"Tetapi kontraktor Melayu pula tidak harus menggunakan sokongan berkenaan sebagai jalan mudah untuk mendapat keuntungan. Sebaliknya, ia hendaklah digunakan sepenuhnya untuk meningkatkan pengetahuan dan pengalaman," katanya.

Presiden GBC, Azlan Awang yang turut menganggap kenyataan itu sebagai cabaran berkata, kontraktor Melayu perlu menganggap sokongan yang ada sekarang sebagai bimbingan bergerak lebih jauh dalam industri pembinaan.

"Kontraktor Melayu kini perlu mengorak langkah daripada hanya menjadi seorang kontraktor kepada seorang pembina (Builder), katanya.

Memberikan perbezaan antara kontraktor dengan pembina, Azlan berkata, seorang kontraktor adalah seseorang yang mempunyai lesen sebagai kontraktor tetapi tidak semestinya dia menjalankan sendiri kerja yang diperolehi. Seorang pembina adalah seorang kontraktor tulen yang mempunyai kepakaran, pengetahuan dan juga kemampuan melaksanakan kontrak yang diperolehi.

Bagi mencapai matlamat itu, beliau berkata, kontraktor Melayu perlu mempunyai sikap yang positif dan sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kepakaran di samping tekun dalam melaksanakan kerja.

Sebagaimana Raduan, Azlan juga turut bersependapat kontraktor Melayu pada masa ini masih perlu disokong.

Menurutnya, ini kerana rangkaian industri pembinaan melayu masih belum kukuh.

"Pembabitan melayu dalam bidang sokongan industri (seperti pembuatan bahan binaan, kuari dan pembekalan loji) masih kurang dan perlukan sokongan untuk diperkembangkan," katanya.

(END)